

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL

KAWASAN : LIBARAN

NO. SOALAN : 182

YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan faktor-faktor kesedaran yang masih rendah iaitu 41.8 peratus dalam kalangan rakyat Malaysia bersetuju menjadikan bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya yang bagus untuk masa depan, mengikut satu kajian Sikap dan Persepsi Keusahawanan di Asia Tenggara pada 2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini mengambil maklum mengenai kesedaran rakyat Malaysia yang agak rendah untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya. Berdasarkan Kajian Tren Keusahawanan di Malaysia bagi tahun 2009 hingga 2013 yang dibuat oleh Universiti Tun Abdul Razak berdasarkan Metodologi *Global Entrepreneurship Monitor* (GEM), 42% rakyat Malaysia memilih keusahawanan sebagai kerjaya

pilihan, berbanding secara purata 61% penduduk di negara Asia Pasifik dan selatan Asia yang memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Berdasarkan kajian, ianya dipengaruhi oleh faktor-faktor:

- Kurangnya liputan media, kempen dan publisiti kepada kisah-kisah kejayaan (success story) dalam bidang keusahawanan;
- Pengiktirafan masyarakat kepada bidang keusahawanan;
- Minat menceburi bidang keusahawanan;
- Takut menghadapi kegagalan;
- Keupayaan untuk melaksanakan; dan
- Keupayaan untuk merebut peluang.

Bagi menarik lebih ramai orang memilih perniagaan sebagai kerjaya, Kerajaan sentiasa berusaha menggalakkan rakyat Malaysia, khususnya generasi muda menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Ini adalah selaras dengan salah satu matlamat Pelan Induk PKS bagi meningkatkan penubuhan perniagaan daripada 2.4% setahun mulai tahun 2005-2011 kepada 6% setahun mulai tahun 2012-2020.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam mempermudahkan prosedur sedia ada yang sedikit sebanyak telah membantu menarik lebih ramai rakyat Malaysia menceburi bidang keusahawanan.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui agensinya iaitu SME Bank, SME Corp., MATRADE dan MIDF turut memainkan peranan dalam meningkatkan lagi bilangan rakyat Malaysia menceburi bidang perniagaan sebagai kerjaya pilihan.

SME Bank melalui dana Usahawan Muda mensasarkan golongan belia dan dana Tabung Usahawan Siswazah mensasarkan golongan siswazah bagi menggalakkan golongan muda dan siswazah memilih bidang perniagaan sebagai kerjaya. Jumlah kelulusan dana sehingga 31 Disember 2014 adalah amat menggalakkan iaitu sebanyak RM168 juta kepada 2,363 usahawan di bawah Tabung Usahawan Siswazah, manakala dana Usahawan Muda pula jumlah kelulusan adalah sebanyak RM32 juta kepada 422 usahawan.

Selain itu, bagi memenuhi keperluan meningkatkan lagi bilangan usahawan, SME Bank turut menyediakan program latihan keusahawan dan juga khidmat nasihat kepada semua kategori pelanggannya termasuklah kepada mereka yang baru menceburi bidang keusahawanan. Latihan di peringkat awal dapat membantu membentuk budaya keusahawanan yang sihat dalam melahirkan usahawan yang berdaya saing.

SME Bank juga turut menganjurkan program keusahawan di peringkat sekolah menengah bertujuan menanam minat keusahawanan dan menjana daya inovasi di kalangan pelajar. Program yang dikenali sebagai Y-Biz Challenge ini telah berjaya mencapai matlamatnya sehingga menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan dapat memupuk minat keusahawanan yang tinggi di kalangan pelajar.

Di bawah SME Corp pula, Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) mula dilaksanakan pada tahun 2014. Sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan program berkenaan dengan tujuan:

- i. memupuk dan menanam semangat keusahawanan di kalangan belia;
- ii. merubah paradigma belia daripada pekerja kepada menjadi pemilik atau pengusaha perniagaan; serta
- iii. membentuk daya tahan dan jati diri di kalangan belia dalam mengendalikan perniagaan sendiri.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga kini, sejumlah 448 peserta yang menyertai Program TUBE telah memulakan perniagaan masing-masing. Bagi membantu perkembangan perniagaan khususnya dalam tempoh 12 bulan yang pertama, peserta-peserta dibimbing oleh Kaunselor Khas secara *handholding* dan *buddy system*.

SME Corp. juga melaksanakan program SME-University Internship bagi memberi pendedahan kepada para mahasiswa universiti mengenai dunia perniagaan sebenar. Melalui pendedahan ini, ianya dapat membantu para mahasiswa meneroka peluang-peluang perniagaan dan menjadi platform terbaik dalam memupuk minat untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Sejak dimulakan pada tahun 2009 hingga 2014, sebanyak 16 universiti awam telah menyertai program ini yang melibatkan 1,424 mahasiswa. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 280 PKS telah memperoleh manfaat melalui penyertaan dalam program ini.

MATRADE, sebagai sebuah agensi promosi perdagangan negara tidak ketinggalan dalam menyokong usaha tersebut. MATRADE telah mewujudkan satu program bagi membantu dan menggalakkan rakyat menjadi usahawan pengeksport untuk menerokai pasaran antarabangsa yang dikenali sebagai Program Pembangunan Pengeksport.

Di bawah program ini, usahawan akan diberi bimbingan secara langsung atau tidak langsung dengan objektif menjadikan usahawan sebagai pengeksport yang berdaya saing dan mampan. Usahawan akan diberi khidmat nasihat dan pembangunan kapasiti berkaitan eksport melalui beberapa aktiviti anjuran MATRADE seperti berikut:

- i. "Customized Export Advisory Services" bagi membimbng usahawan dalam usaha menerokai pasaran eksport.
- ii. Penyertaan di Malaysia Exporter & Exhibition Centre (MEEC) di MATRADE.
- iii. Penyertaan dalam seminar, bengkel dan latihan berkaitan eksport anjuran MATRADE.

Di samping itu, para usahawan akan diberi insentif pembiayaan untuk menyertai aktiviti promosi eksport antarabangsa seperti Geran Pembangunan Pasaran (MDG) secara *matching* bagi menampung kos penginapan, penerbangan dan sewa tapak pameran.

Pihak Kerajaan percaya dengan kemudahan serta bantuan yang disediakan, lebih banyak usahawan baharu bakal dilahirkan pada masa

akan datang melalui program bimbingan dan pembangunan oleh MATRADE.

Selain itu, MIDF menyediakan Skim Pinjaman Mudah bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana yang dapat membantu syarikat PKS bagi tujuan pembelian mesin dan peralatan serta keperluan modal pusingan syarikat PKS. Skim Pinjaman Mudah ini mengenakan kadar faedah pinjaman serendah 4% setahun bagi setiap jenis pinjaman yang diluluskan.

Melalui program-program yang dilaksanakan oleh MITI dan agensi yang disebutkan di atas, adalah ternyata Kerajaan telah mengambil daya dan usaha yang bersungguh-sungguh dalam menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan mereka. MITI yakin melalui pendekatan penggalakan yang berterusan akan meningkatkan lagi peratusan bilangan rakyat Malaysia mencebur ke bidang keusahawanan.